

## MENELUSURI PERANAN PUSAT DA'WAH ISLAMIAH DALAM PENGURUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN SAUDARA BARU

### *EXPLORING THE ROLE OF ISLAMIC DA'WAH CENTRE IN MANAGING OF NEW BROTHERHOOD DEVELOPMENT PROGRAMME*

**Julaija**

Faculty History and Civilization, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam,  
(Email:17mr401@siswa.unissa.edu.bn)

**Accepted date:** 25 November 2018

**Published date:** 14 April 2019

**To cite this document:** Julaija (2019). Menelusuri Peranan Pusat Da'wah Islamiah dalam Pengurusan Program Pembangunan Saudara Baru. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(19), 243-259.

---

**Abstrak:** Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam adalah salah sebuah pusat yang berperanan dalam mengurus dan membantu Saudara Baru. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui Program Pembangunan Saudara Baru yang dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Muallaf Pusat Da'wah Islamiah. Pengurusan Program Pembangunan Saudara Baru yang dilaksanakan merupakan salah satu usaha bagi membantu Saudara Baru dalam mengusai perkara-perkara yang berkaitan dengan akidah, amal ibadat dan cara hidup Islam. Kajian ini memfokuskan kepada penglibatan Saudara Baru dalam program yang dijalankan dan seterusnya mengetahui keberkesanan program tersebut terhadap Pembangunan Saudara Baru. Hasil kajian awal, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa bentuk Program Pembangunan Saudara Baru yang dijalankan seperti kelas dan kursus bimbingan, keagamaan, motivasi dan kemahiran. Kajian ini dijalankan bagi mengetahui penglibatan Saudara Baru dan seterusnya mengetahui penerimaan terhadap program yang dijalankan dan permasalahan yang mereka hadapi.

**Kata Kunci:** Pengurusan, Program, Pembangunan, Saudara Baru.

**Abstract:** The Islamic Da'wah Center of Brunei Darussalam functions to manage and assist the newly convert muslims. The purpose of this study is to know the New Civil Development Program conducted by Muallaf Development Division of the Da'wah Islamiah Center. The Management of the New Brotherhood Development Program is one of the efforts to assist the newly convert muslims in dealing with matters related to the creed, religious deeds and Islamic way of life. This study also focuses on the involvement of the newly convert muslims in the program and subsequently to know the effectiveness on the Development of the newly convert muslims. From the preliminary findings, the researcher found that there were several forms of

*New Civil Development Program that were conducted such as classes and courses of guidance, religious, motivation and skills. This study was conducted to determine the involvement of the newly convert muslims and to know the acceptance of the program and the problems they face.*

**Keywords:** *Management, Programme, Development, Newly Convert Muslim.*

---

## **Pengenalan**

Pembangunan seringkali dikaitkan dengan kemajuan yang akan membawa kepada perubahan. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ

Tafsirnya: Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri (Al-Quran 13:11).

Di Negara Brunei Darussalam, Pusat Da'wah Islamiah adalah sebuah pusat yang berperanan dalam membantu Saudara Baru dari segala aspek. Pembangunan Saudara Baru merupakan salah satu isu yang perlu diberi perhatian, kerana golongan ini belum lagi terdedah sepenuhnya mengenal agama Islam dan mereka baru saja mempraktikkan kehidupan mereka sebagai seorang muslim. Ianya juga merupakan salah satu usaha untuk membantu mereka dalam membangun jati diri, memperkukuhkan dan mengekalkan pegangan mereka terhadap agama Islam serta dapat menerapkan ajaran agama Islam dan menikmati keluhurannya dalam kehidupan mereka.

Program Pembangunan Saudara Baru bukan hanya tertumpu kepada aspek duniawi sahaja tetapi ianya juga tertumpu kepada aspek ukhrawi. Kedua-dua elemen ini perlu seimbang sejajar dengan keperluan hidup di dunia dan akhirat nanti. Program Pembangunan Saudara Baru ini tidak akan terhasil tanpa adanya inisiatif dari semua pihak, baik ianya dari individu itu sendiri mahupun berkelompok. Pihak yang terlibat dalam hal-hal berkaitan dengan Saudara Baru hendaklah mengambil langkah sebaik mungkin untuk memastikan kesejahteraan hidup golongan ini tercapai.

Golongan ini perlu diberikan bimbingan dan bantuan agar tidak berlaku perkara yang tidak diinginkan seperti kajian yang dibuat oleh Siti Zulaikha @ Siti Zaliha binti Haji Umar pada tahun 2008 "Murtad di Kalangan Muallaf". Beliau menyatakan bahawa kes-kes murtad di Negara Brunei Darussalam secara keseluruhannya berpunca daripada masalah peribadi dan keluarga. Statistik jumlah kes pengesahan murtad yang disabitkan di mahkamah-mahkamah syariah seluruh daerah bagi tahun 2001 hingga 2007 adalah seramai 4 orang.

Oleh demikian itu, pengkaji akan menelusuri peranan Pusat Da'wah Islamiah dalam pengurusan Program Pembangunan Saudara Baru yang dijalankan oleh Bahagian Pembangunan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah. Kajian ini dijalankan bagi mengetahui penglibatan Saudara Baru dalam program yang diadakan dan seterusnya mengetahui penerimaan dan permasalahan yang mereka hadapi.

## **Kajian Literatur**

Kajian mengenai Saudara Baru bukanlah suatu perkara yang baru terutamanya di Negara Brunei Darussalam yang mempunyai pelbagai puak dan agama. Kajian literatur merupakan tinjauan kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kajian-kajian lepas sama ada dalam bentuk bertulis seperti kertas kerja seminar atau persidangan, buku, jurnal, latihan ilmiah, disertasi ataupun tesis mengenai tajuk yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

Berdasarkan kepada hasil kajian literatur, pengkaji mendapati beberapa hasil penulisan kajian yang berkaitan dengan Saudara Baru dan program yang telah dilaksanakan sebelum ini, antaranya ialah:

Kajian yang dibuat oleh Siti Norhuzainayati bte Hj Abd Kadir pada tahun 2012 bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda Usuluddin Kolej Universiti Perguruan Ugama dengan tajuk “Pelestarian Kefahaman Akidah Islamiyyah di Kalangan Saudara-Saudara Baru: Kajian Perlaksanaan dan Kesannya di Negara Brunei Darussalam”. Tulisan beliau memfokuskan kepada aspek sejauhmana kefahaman Saudara Baru mengenai ugama Islam dan mengetahui sejauhmana perlaksanaan mengenai program yang dijalankan memberi kesan terhadap saudara-Saudara Baru. Kajian beliau juga menunjukkan bahawa jangka waktu pengislaman tidak dapat dijadikan ukuran dalam menentukan ajaran Islam itu diterima dan dikuasai sepenuhnya. Beliau juga mendapati kelas-kelas bimbingan dan kursus-kursus ugama yang dikendalikan telah membantu mengukuhkan kefahaman terhadap ajaran Islam di kalangan saudara-Saudara Baru. Bagaimanapun penelitian semula ke arah penyediaan kurikulum yang lebih sesuai, metod pengajaran yang lebih menarik dan mencabar serta tempoh perlaksanaan yang mencukupi adalah perlu demi menjamin kemantapan pemahaman akidah mereka. Kajian beliau juga menunjukkan bahawa faktor ekonomi adalah faktor tertinggi dalam penerimaan saudara-Saudara Baru terhadap Islam diikuti dengan faktor pendidikan dan pengurniaan hidayah daripada Allah.

Kajian lain pula yang dibuat oleh Hamizah binti Haji Aji pada tahun 2015 bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda Usuluddin Kolej Universiti Perguruan Ugama dengan tajuk “Faktor-faktor Memeluk Agama Islam di kalangan Saudara Baru: Kajian di Kalangan Saudara Baru Di Bawah Bimbingan Pusat Dakwah Islamiyyah Bagi Tahun 2014”. Tulisan beliau menjelaskan tentang faktor besar pendorong Saudara Baru untuk memeluk agama Islam serta keaktifan Saudara Baru ini dalam menyertai bimbingan dan aktiviti di dalam mahupun luar Pusat Da“wah Islamiah. Hasil daripada kajian juga mendapati bahawa Saudara Baru aktif menghadiri kelas bimbingan di Pusat Da“wah Islamiah tetapi kurang aktif mengikuti kelas bimbingan selain di Pusat Da“wah Islamiah.

Kajian yang dibuat oleh Romaizah binti Haji Basir pada tahun 2016 bagi memenuhi keperluan sebahagian daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Kolej Universiti Perguruan Ugama dengan tajuk “Kefahaman Rukun Iman dalam Kalangan Saudara-Saudara Baru di Daerah Temburong”. Tulisan beliau menumpukan tentang kefahaman Saudara Baru mengenai rukun iman serta penerapannya di dalam kehidupan mereka dan usaha-usaha yang dilakukan untuk Saudara Baru bagi memahami rukun iman. Dapatan kajian mendapati bahawa kefahaman Saudara Baru tentang rukun Iman adalah ditahap sangat baik dan hanya sebahagian rukun sahaja yang masih belum dapat difahami oleh Saudara Baru secara mantap. Beliau juga ada menyarankan di dalam kajian ini bahawa seseorang yang beriman dengan Rukun Iman bukan sahaja memahami pada peringkat dasar sahaja namun hendaklah lebih meneroka, mencari dan menggali ilmu pengetahuan dengan pelbagai cara dan saluran serta berguru dengan guru yang muktabar agar tidak terjadinya penyelewengan akidah.

Kajian lain pula yang dibuat oleh Siti Nur Azmina binti Darul pada tahun 2016 bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda Kolej Universiti Perguruan Ugama dengan tajuk “Kefahaman Akidah Ahli Sunnah Waljammah Dalam Kalangan Muallaf: Kajian Di Brunei Muara”. Tulisan beliau menjelaskan tentang permasalahan Muallaf dan kefahaman mereka terhadap akidah. Kajian beliau tertumpu di Pusat Da“wah Islamiyah Bahagian Pembangunan Muallaf. Kajian beliau mendapati kebanyakan mereka memahami konsep mentauhidkan Allah

dan menyedari tentang amalan ibadat yang wajib. Namun begitu pengetahuan mereka tentang perkara-perkara asas seperti rukun Iman dan rukun Islam adalah ditahap yang sederhana.

Kajian lain pula yang dibuat oleh Audadi Afiqah binti Yusuf pada tahun 2018 bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama Usuluddin dengan tajuk “Program Bimbingan Saudara Baru: Perlaksanaan dan Persepsi Saudara Baru”. Tulisan beliau menjelaskan tentang kaedah atau teknik yang digunapakai oleh guru pembimbing dalam pengajaran serta mengetahui persepsi Saudara Baru terhadap pengajaran guru pembimbing. Beliau menjelaskan bahawa perlaksanaan pengajaran yang tersusun dapat membantu Saudara Baru di dalam menambahkan lagi keyakinan mereka terhadap Agama Islam khususnya. Beliau juga menyatakan bahawa guru pembimbing perlulah mahir terhadap mata pelajaran yang hendak diajarkan dan berkebolehan dalam memberi kefahaman tentang ajaran yang disampaikan. Kajian ini dijalankan di Unit Da’wah Daerah Temburong.

Kajian lain pula yang dibuat oleh Mohammad Shukri Draman pada tahun 2010 bagi memperolehi Ijazah Sarjana Usuluddin Universiti Malaya dengan tajuk “Pengurusan Dakwah Terhadap Saudara Baru: Kajian di Pejabat Agama Islam Daerah Klang Selangor Darul Ehsan”. Tulisan beliau memfokuskan kepada hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan dakwah terhadap Saudara Baru di Pejabat Agama Islam Daerah Klang Selangor Darul Ehsan. Ianya bertujuan untuk mengetahui aktiviti pentadbiran dan pengurusan yang dilaksanakan terhadap Saudara Baru. Kajian beliau juga bertujuan untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi. Beliau juga ada menyatakan bahawa umat Islam hendaklah sama-sama berganding bahu bagi memperhebatkan lagi penghayatan cara hidup khususnya golongan Saudara Baru.

Kajian lain pula yang dibuat oleh Muhammad bin Hashim pada tahun 2013 bagi memperolehi Ijazah Sarjana Universiti Malaya dengan tajuk “Aktiviti Dakwah Terhadap Saudara Baru: Kajian di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur”. Tulisan beliau memfokuskan mengenai aktiviti dakwah yang telah dilaksanakan terhadap Saudara Baru di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur antaranya adalah aktiviti pengisian ilmu, aktiviti sambutan keagamaan dan aktiviti kebajikan. Beliau juga merumuskan bahawa segala aktiviti yang dijalankan tersebut adalah untuk membantu, membimbing dan membentuk mereka ke arah pembangunan diri.

## **Definisi Kajian**

### ***Program***

Menurut (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010) mendefinisikan program adalah rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan dalam pembangunan negara, perekonomian dan lain-lain lagi. Dan menurut (Othman, 2005) Kamus Komprehensif Bahasa Melayu memberikan erti sebagai rancangan tentang dasar atau cara perlaksanaan sesuatu bidang pengetahuan. Di dalam kajian ini program yang pengkaji fokuskan adalah Program Saudara Baru yang dilaksanakan oleh Tarbiyah Muallaf, Bahagian Pembangunan Muallaf, Pusat Da’wah Islamiah. Dan pengkaji hanya memfokuskan kepada 5 program yang dijalankan, iaitu Bimbingan Pengenalan Islam 10 Hari, Skim Bimbingan Asas 14 Hari, Skim Bimbingan Lanjutan I, Skim Bimbingan Lanjutan II dan Kelas Bimbingan Muallaf.

### ***Pembangunan***

Menurut (Baharom, 2007) pembangunan membawa maksud perubahan atau kemajuan. Ia membawa maksud proses ke arah kemajuan dan perkembangan kehidupan. Menurut (Saliba, 1982) pembangunan ditakrifkan sebagai sesuatu keadaan pengembangan, pembinaan,

pembaharuan dan pembaikan ke arah kemajuan. Dalam Bahasa Arab pula, perkataan pembangunan berasal dari kata “qaddama” dan “taqaddum” membawa erti maju ke hadapan, bergerak ke hadapan atau ke suatu hala yang tertentu. Manakalah menurut (Aziz, 2001) dari segi istilah pembangunan bermaksud tindakan membangun (proses) dan juga hasil daripadanya. Pembangunan adalah sesuatu perkara yang dirancang secara sedar dan sengaja untuk mencapai matlamat tertentu. Mengikut (Ahmad Fadzullah, Jamal Rizal Razali, Hasnah Hussiin, 2007) pula pembangunan manusia meliputi dua aspek utama iaitu pembinaan aspek fizikal dan aspek spiritual. Kedua-dua aspek ini haruslah diberi penekanan kerana keduanya mempunyai hubung kait. Dalam kajian ini pembangunan yang pengkaji maksudkan adalah pembangunan Saudara Baru dalam menjalani program yang terdapat dalam unit Tarbiyah Muallaf, Bahagian Pembangunan Muallaf.

### ***Saudara Baru***

Perkataan Saudara Baru sinonim dengan muallaf. Menurut (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010) dan Kamus Bahasa Melayu Nusantara Edisi Kedua (Brunei, 2011) mendefinisikan Saudara Baru sebagai Muallaf atau orang yang baru memeluk agama Islam. Merujuk kepada Kamus Dwibahasa (Hawkins, 2002) memberikan erti orang yang telah menukarkan kepercayaan atau agamanya atau Muallaf (penganut agama lain yang telah menukarkan agamanya kepada agama Islam). Menurut (Othman, 2005) Saudara Baru membawa maksud orang yang baru memeluk agama Islam secara rasmi, iaitu setelah dia mengucap dua kalimah syahadat dengan bersungguh-sungguh di depan pegawai agama bersama-sama dengan saksi-saksinya. Fokus pengkaji dalam penyelidikan ini adalah tertumpu kepada Saudara Baru yang melibatkan diri dalam program yang dijalankan oleh Tarbiyah Muallaf semasa penyelidikan ini dijalankan.

### ***Latar Belakang Pusat Da'wah Islamiah***

Pusat Da'wah Islamiah dibina sebagai institusi perkembangan Islam di Negara Brunei Darussalam (Ristaan dan Pencapaian 25 Tahun Pusat Da'wah Islamiah 1985-2010, 2011). Pusat Da'wah Islamiah berada di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam.

### ***Pusat Da'wah Islamiah Brunei***

Pusat Da'wah Islamiah mula menjalankan operasinya pada 18 Rabiulakhir 1405 hijrah bersamaan 1 Januari 1985. Perasmian bangunannya telah disempurnakan oleh kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Muharram 1406 Hijrah bersamaan dengan 16 September 1985 Masihi. Jabatan ini diketuai oleh seorang pengarah dan dibantu oleh seorang penolong pengarah, beberapa orang pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan yang lain (Rancangan Strategik Pusat Da'wah Islamiah 2010-2014, 2011).

### ***Visi dan Misi***

Visi pusat ini ialah memperkasa kerasmian dan amalan agama Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna bagi mencapai “بلدة طيبة ورب غفر” (Negara yang aman ma'mur dan Tuhan Yang Maha Pengampun). Dan misi pusat ini adalah menjadi sebuah institusi penyebaran agama Islam dan ajaran-ajarannya bagi memenuhi kewajipan perlaksanaan konsep “الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر” di negara ini (Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, 2010).


### ***Matlamat***

1. Menyebar, memberi maklumat dan membekal ilmu agama Islam melalui penyelidikan, penerbitan, ceramah, kursus dan bimbingan kepada muslim dan non-muslim di Negara Brunei Darussalam berkonsepkan ajaran Ahli Sunnah Wal Jama'ah mazhab Syafi'ie.
2. Mewujudkan masyarakat Islam yang bersatu pendapat dalam hukum-hukum agama dan mengelakkan daripada kekeliruan dan keraguan dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama.
3. Memeduli kebajikan sama ada berbentuk fizikal, moral dan spiritual saudara-Saudara Baru bagi menjamin kehidupan mereka yang lebih baik dan sempurna dalam agama Islam.
4. Memelihara dan mempamerkan bahan-bahan sejarah dan sosiobudaya yang berorientasikan Islam khususnya di Negara Brunei Darussalam dan umumnya negara-negara Islam yang lain.
5. Menghasilkan pengurusan yang cemerlang dan sumber tenaga manusia yang berkualiti.
6. Mempertingkatkan pengetahuan, kesedaran dan penghayatan umat Islam terhadap agama, sesuai dengan kehendak agama dan tuntutan-tuntutan perkembangan dunia.
7. Menyebarkan kefahaman agama Islam kepada orang-orang yang bukan beragama Islam di negara ini bagi membolehkan mereka mengetahui sekadarnya akan ajaran-ajaran agama Islam yang menjadi anutan dan cara hidup golongan majoriti di negara ini, serta sesuai dengan kehendak Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang mendaulatkan agama Islam sebagai agama rasmi (Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, 2010).

### ***Objektif***

1. Mengembangkan ajaran agama Islam dan menyebarkannya kepada masyarakat bukan Islam.
2. Membantu mereka memahami dan mempelajari ajaran-ajaran asas agama Islam bagi mengukuhkan pegangan mereka terhadap agama Islam.
3. Menunjukkan rasa tanggungjawab dalam pemedulian moral, spritual, fizikal dan psikologi terhadap saudara-Saudara Baru dan bagi menjamin kehidupan mereka yang lebih baik dalam agama Islam.
4. Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman terhadap ajaran-ajaran agama Islam berdasarkan akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah mazhab Syafi'ie.
5. Meningkatkan penghayatan dan amalan hidup beragama bagi mengukuhkan keimanan dan ketakwaan masyarakat Islam di negara ini.
6. Meningkatkan keberkesanan penggunaan dan pelaksanaan saluran media massa sebagai alat komunikasi bagi perkembangan dan penyebarluasan ajaran agama Islam.
7. Meningkatkan kawalan terhadap perkara-perkara yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah mazhab Syafi'ie dan fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Brunei Darussalam.
8. Memberikan kemudahan kepada masyarakat bagi mendapatkan bahan-bahan dan penerangan-penerangan yang berkaitan dengan sejarah perkembangan tamadun Islam di Negara Brunei Darussalam (Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, 2010).

## Struktur organisasi:



**Rajah 1: Struktur organisasi Pusat Da'wah Islamiah September 2018.**

Sumber: Papan maklumat Bahagian Pembangunan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah.

### ***Bahagian Pembangunan Muallaf: Tarbiyah Muallaf***

Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf Tarbiyah Muallaf telah mengunghkayahkan beberapa siri bimbingan kepada Saudara Baru bertujuan:

1. Untuk menguasai perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan akidah, amal ibadat dan cara hidup Islam.
2. Untuk melaksanakan kewajipan fardhu „ain.
3. Untuk menyediakan jalan ke arah pembentukan keperibadian Islam dalam diri para muallaf.
4. Menanamkan akidah keagamaan yang betul.
5. Menanamkan kebiasaan dan kesungguhan untuk mempraktikkan ajaran-ajaran Islam dalam semua bidang kehidupan dan perlakuan sehari-hari.
6. Untuk memberikan serba sedikit pendedahan mengenai da'wah dan metodenya khususnya da'wah kepada orang yang belum beragama Islam.

Bahagian Pembangunan Muallaf Tabiyah Muallaf juga mengendalikan kelas-kelas dan kursus kursus bimbingan agama bagi Saudara Baru, antaranya ialah:

1. Bimbingan Pengenalan Islam 10 Hari (BPA-10).
2. Skim Bimbingan Asas 14 Hari (SBA)
3. Skim Bimbingan Lanjutan I (SBL-I)
4. Skim Bimbingan Lanjutan II (SBL-II)
5. Kelas Bimbingan Muallaf (KBM)

**Jadual 1: Penerangan program, objektif dan sasaran program Tarbiyah Muallaf.**

Bil	Program	Objektif	Sasaran
1.	Bimbingan Pengenalan Islam 10 Hari	Memberi pengetahuan asas agama Islam kepada Saudara Baru.	Saudara Baru yang baru dan yang telah lama masuk Islam
2.	Skim Bimbingan Asas 14 Hari	Meningkatkan pengetahuan agama Islam dan melahirkan Saudara Baru yang berilmu, beiman dan beramal.	Saudara Baru yang telah menamatkan Bimbingan Pengenalan Islam 10 Hari.
3.	Skim Bimbingan Lanjutan I	Meningkatkan dan menghalusi lagi ilmu pengetahuan agama peserta-peserta terutama dalam bidang ibadat sembahyang dan akidah.	Saudara Baru yang telah menamatkan Skim Bimbingan Asas 14 Hari.
4.	Skim Bimbingan Lanjutan II	Meningkatkan dan menghalusi lagi ilmu pengetahuan agama peserta-peserta terutama dalam bidang ibadat sembahyang dan akidah.	Saudara Baru yang telah tamat mengikuti Skim Bimbingan Lanjutan I.
5.	Kelas Bimbingan Muallaf	Membantu Saudara Baru bagi mendapatkan Bimbingan ajaran agama Islam yang berterusan.	Saudara Baru yang telah menamatkan Bimbingan Pengenalan Islam 10 Hari.

Sumber: Kertas laporan bulanan Bahagian Pembangunan Muallaf.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian yang hendak dicapai dalam kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti Program yang dilaksanakan oleh Pusat Da'wah Islamiah terhadap Pembangunan Saudara Baru.
2. Mengetahui bagaimana penglibatan Saudara Baru terhadap program yang diadakan.
3. Mengenal pasti masalah-masalah yang timbul dalam Program Pembangunan Saudara Baru yang dijalankan.

### **Skop Kajian**

Kajian yang dijalankan ini memfokuskan kepada beberapa perkara utama. Antaranya ialah:

#### ***Lokasi kajian***

Pengkaji memilih Pusat Da'wah Islamiah sebagai lokasi untuk dijadikan kajian. Ini kerana Pusat Da'wah Islamiah adalah salah sebuah pusat yang berperanan dalam memeduli kebajikan sama ada berbentuk fizikal, moral dan spiritual saudara-Saudara Baru bagi menjamin kehidupan mereka yang lebih baik dan sempurna dalam agama Islam, serta menyebarkan kefahaman agama Islam kepada orang-orang yang bukan beragama Islam di negara ini bagi membolehkan mereka mengetahui sekadarnya akan ajaran-ajaran agama Islam yang menjadi anutan dan cara hidup golongan majoriti di negara ini, serta sesuai dengan kehendak Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang mendaulatkan agama Islam sebagai agama rasmi (Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, 2010).



### ***Program Pembangunan Saudara Baru***

Kajian ini hanya akan memberi fokus kepada program utama yang dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Muallaf khusus Tarbiyah Muallaf. Ini kerana Tarbiyah Muallaf adalah salah sebuah unit yang berperanan dalam membimbing Saudara Baru dari bimbingan asas hinggalah seterusnya.

### ***Informan:***

Pegawai dan tenaga pengajar

Dalam memilih informan dari kalangan pegawai, pengkaji akan memilih pegawai yang bertugas dalam menjalankan program Saudara Baru.

### ***Saudara Baru***

Dalam memilih informan dari Saudara Baru, pengkaji akan memilih Saudara Baru yang menghadiri program atau kursus yang dianjurkan oleh Tarbiyah Muallaf dalam masa kajian ini dijalankan.

## **Metodologi Kajian**

### ***Reka bentuk kajian***

Reka bentuk kajian ialah perancangan yang menentukan cara penyelidikan dijalankan untuk menemukan jawapan kepada permasalahan penyelidikan seperti permasalahan, strategi dan perkaitan sebab-akibat. Reka bentuk juga menetapkan unit analisis, populasi, persampelan, variabel, cara pengukuran, pengumpulan dan penganalisan data (Masri, 1990). Oleh demikian itu, pengkaji memilih kaedah kualitatif dalam reka bentuk kajian ini.

### ***Kaedah kualitatif***

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Data kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Steven J. Taylor, Robert Bogdan, 1984)

### ***Pengumpulan data***

Dalam usaha mengumpul data yang diperlukan, pengkaji menggunakan data primer dan data skunder. Pengkaji juga menggabungkan beberapa metod dengan menggunakan dua bentuk penyelidikan utama iaitu Kajian Kepustakaan (Library Research) dan Kajian Lapangan (Field Research)

### ***Kajian Kepustakaan (Library Research)***

Dalam proses melakukan kajian kepustakaan dan mendapatkan data-data mahupun maklumat yang relevan dengan kajian, pengkaji akan mengunjungi beberapa buah perpustakaan, antaranya ialah perpustakaan Pusat Da'wah Islamiah Brunei, perpustakaan Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei, perpustakaan Universiti Sultan Sharif Ali Brunei dan perpustakaan Kolej Universiti Perguruan Ugama Brunei. Segala maklumat yang diperolehi adalah merujuk kepada bahan-bahan primer dan skunder seperti teks kajian, rujukan tafsir, buku, jurnal, majalah, abstrak, surat kabar dan latihan ilmiah yang berkaitan. Di samping itu dalam melakukan proses kajian di perpustakaan juga pengkaji akan menggunakan beberapa metod reka bentuk kajian yang bersesuaian dengan kajian pengkaji. Antatanya ialah metod historis dan metod dokumentasi.

### ***Metode Historis (pensejarahan)***

Pengkaji menggunakan metod ini untuk mendapatkan data maklumat mengenai sejarah asal-usul kewujudan Pusat Da'wah Islamiyah. Selain itu juga pengkaji menggugalkan metod ini bagi mendapat data-data yang tepat tentang sejarah penubuhan dan latar belakang Pusat Da'wah Islamiyah sebagai salah sebuah pusat yang berperanan dalam pembangunan dan pengurusan Saudara Baru.

### ***Metode Dokumentasi***

Dalam kajian ini pengkaji akan mendapatkan maklumat melalui kertas-kertas kerja, surat edaran, laporan jabatan dan rekod-rekod jabatan yang telah dibuat oleh Pusat Da'wah Islamiyah.

### ***Kajian Lapangan (Field Research)***

Pengkaji akan mengunjungi Pusat Da'wah Islamiyah untuk membuat pemerhatian secara langsung dengan lebih jelas mengenai objek penelitian. Ia bertujuan membuat penyelidikan secara langsung dengan mendatangi informan yang menjadi sasaran untuk dikaji serta dibuat perumusan dan kesimpulan yang diperlukan. Instrumen yang digunakan dalam kajian lapangan ini adalah seperti berikut:

#### ***Temu bual (Interviews)***

Kaedah temubual merupakan salah satu kaedah pengumpulan maklumat yang melibatkan interaksi sosial antara individu melalui perbualan. Pengkaji memilih informan dari pegawai yang bertugas dalam menjalankan program Saudara Baru. Dan informan dari Saudara Baru yang mengikut program yang dijalankan oleh Tarbiyah Muallaf, Bahagian Pembangunan Muallaf dalam masa kajian ini dijalankan. Pengkaji telah menemu bual beberapa informan dan semua informan yang ditemu bual membenarkan temu bual ini direkodkan dan pengkaji memilih untuk merekodkan temu bual tersebut. Bagi memudahkan rakaman temu bual ini, pengkaji merakam temu bual ini menggunakan telefon bimbit pengkaji sendiri dan seterusnya disalin semula dalam bentuk tulisan.


#### ***Pemerhatian (Observations)***

Pemerhatian ialah cara pengumpulan data dengan melakukan pemerhatian secara langsung terhadap sesuatu penelitian atau objek yang hendak dikaji. Dalam kajian ini, pengkaji membuat pemerhatian secara langsung bertujuan untuk mendapat gambaran berkaitan dengan penerimaan dan penglibatan Saudara Baru terhadap program yang dijalankan. Kaedah ini juga akan dapat membantu pengkaji mendapatkan maklumat mengenainya.

#### ***Penganalisan data***


Perkataan analisis bermaksud penyelidikan atau penghuraian sesuatu persoalan.. Penganalisan data pula ialah satu cara yang berhasil bagi menyimpul persoalan- persoalan yang diajukan dalam penelitian. Dalam erti kata yang lain, data-data dan maklumat ini akan dianalisis dan diterjemahkan atau dihuraikan sebelum membuat kesimpulan. Dalam menganalisis data, pengkaji menggunakan tiga metode analisis data, iaitu metode induktif, deduktif dan komparatif.

## Dapatan Kajian



**Rajah 2: Statistik Saudara Baru sejak penubuhan Pusat Da'wah Islamiah.**  
 Sumber: Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam.

Gambar rajah 2 menunjukkan statistik Saudara Baru sejak penubuhan Pusat Da'wah Islamiah iaitu pada tahun 1985 hingga 2017. Dapat dilihat dari rajah 2 ini bawah kemasukan Saudara Baru tertinggi adalah pada tahun 2010 iaitu seramai 642 orang. Jumlah keseluruhan Saudara Baru dari tahun 1985 hingga 2017 adalah seramai 15, 848 orang.



**Rajah 3: Statistik Jumlah Saudara Baru yang Mengikuti Program Tarbiyah Muallaf.**  
 Sumber: (Laporan Tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama 2006-2008, 2011)

Gambar rajah 3 menunjukkan statistik Saudara Baru yang mengikuti program Tarbiyah Muallaf iaitu pada tahun 2006 hingga 2008 dan 2018. Pengkaji akan menganalisis berdasarkan gambar rajah 2 dan 3. Dan pengkaji akan mengkategorikan mengikut 5 program yang dijalankan oleh Tarbiyah Muallaf.

Antara program yang pengkaji buat perbandingan adalah:

1. Bimbingan Pengenalan Islam 10 Hari (BPA-10)

Gambar rajah 4 menunjukkan bahawa program Bimbingan Asas 10 hari yang tertinggi adalah pada tahun 2008, iaitu seramai 430 orang yang mana pada tahun 2007 dan 2008 jumlah Saudara Baru yang telah masuk Islam adalah seramai 926 orang berbanding dengan tahun 2018 hanya 207 orang Saudara Baru yang mengikuti Program yang mana seramai 745 orang Saudara Baru masuk Islam pada tahun 2017 hingga 2018.

2. Skim Bimbingan Asas 14 Hari (SBA).

Bilangan tertinggi Skim Bimbingan Asas 14 hari adalah pada tahun 2006 dan 2007 iaitu seramai 207 orang telah mengikut program ini. Dan pada tahun 2018 hanya 110 orang telah mengikuti program ini.

3. Skim Bimbingan Lanjutan I (SBL-I).

Gambar rajah 4 menunjukkan Skim Bimbingan Lanjutan I yang tertinggi adalah pada tahun 2006 iaitu seramai 86 orang Saudara Baru telah mengikuti program ini. Manakala pada tahun 2018 hanya 46 orang Saudara Baru telah mengikut program ini. Tetapi pada tahun 2018 program ini hanya terhad kepada 48 orang sahaja, iaitu 24 orang lelaki dan 24 orang perempuan. Setiap daerah hanya terhad kepada 6 orang lelaki dan 6 orang perempuan.

4. Skim Bimbingan Lanjutan II (SBL-II).

Bilangan tertinggi yang dapat dilihat dalam rajah 4 adalah pada tahun 2008 iaitu seramai 74 orang Saudara Baru telah mengikuti program tersebut. Manakala pada 2018 pengkaji belum mendapatkan data daripada Bahagian Pembangunan Muallaf dan sedang menunggu.

5. Kelas Bimbingan Muallaf (KBM).

Menurut gambar rajah 4, hanya data pada tahun 2018 sahaja yang pengkaji temui iaitu seramai 263 orang Saudara Baru telah mengikut program ini.

## **Dapatan Temu Bual**

### ***Pegawai***

Pengkaji telah menemu bual seorang pegawai yang bertugas di Bahagian Pembangunan Muallaf pada 8 November 2018. Tarbiyah Muallaf menjalankan program asas seperti Bimbingan Asas Islam, Bimbingan Lanjutan I, Bimbingan Lanjutan II, Bimbingan Bergerak yang diadakan secara bersekala iaitu tertakhluk kepada permintaan Saudara Baru yang tidak dapat hadir ke pejabat untuk menjalani program dan Kelas Bimbingan Muallaf yang diadakan setiap hari Jumaat kecuali cuti penggal persekolahan. Dalam Kelas Bimbingan Muallaf akan diajarkan iqra, muqaddam, al-Quran dan taranum.

Dari segi penglibatan Saudara Baru terhadap program yang diadakan informan mengatakan bahawa ramai yang ikut serta setiap kali mereka mengadakan program atau majlis, seperti majlis khatam al-Quran pada tahun ini yang diadakan di Pusat Da'wah Islamiah. Informan tidak dapat memastikan samaada program yang dijalankan di kawasan pendalaman mendapat ramai sambutan dari pihak Saudara Baru. Informan hanya dapat memastikan setiap kali rombongan mereka pergi ke kawasan pendalaman maka ramai Saudara Baru ikut serta dalam

program yang mereka jalani. Tetapi ada info lain mengatakan, selepas sahaja rombongan balik, jumlah Saudara Baru yang datang semakin susut.

Mengikut informan, Saudara Baru sangat aktif membuat kertas kerja untuk menjalankan program lain selain dari program yang telah dijalankan oleh Tarbiyah Muallaf, setiap program yang telah diluluskan selalunya akan mendapat sambutan daripada Saudara Baru yang lain.

### ***Tenaga Pengajar***

Pengkaji menemu bual seorang tenaga pengajar pada bulan November 2018 yang dipilih semasa menjalani program Kelas Bimbingan Muallaf, ini disebabkan oleh kekangan waktu. Sebanyak 6 soalan telah disediakan oleh pengkaji bagi sesi temu bual ini. Dapatan temu bual akan diterangkan mengikut soalan yang diutarakan.

1. Pekerjaan:  
Guru agama dan sedang berkhidmat di Sekolah Ugama Antarabangsa Brunei.
2. Lama berkhidmat dalam mengajar Saudara Baru:  
2018 ini masuk 3 tahun mengajar iqra kepada Saudara Baru dalam Kelas Bimbingan Muallaf.
3. Program yang diajarkan:  
Kelas Bimbingan Muallaf dan mengajarkan Iqra 1 dan 2. Dan tidak terlibat dalam mengajarkan program Tarbiyah Muallaf yang lainnya.
4. Ramai Saudara Baru yang diajarkan:  
Purata yang mengikuti Iqra 1 dan 2 ini adalah 15 ke 20 orang Saudara Baru. Walaupun Saudara Baru telah berpindah kepada Iqra 3 hingga 5 tetapi masih ramai Saudara Baru yang baru masuk untuk mengikuti Iqra 1 dan 2.
5. Pemahaman mereka terhadap pembelajaran:  
Insya Allah mereka memahami selagi mana mengikut prosedur pengajaran dan mempraktikkannya. Dan jika ada Saudara Baru yang salah dalam menyebut huruf maka akan diperbetulkan selagi ianya dapat diperbetulkan. Dan tidak memaksa Saudara Baru tersebut jika memang mereka tidak berupaya menyebut huruf-huruf tersebut dengan betul.
6. Masalah yang selalu dihadapi ketika menjalankan tugas:  
Tidak ada masalah besar, tetapi ada sesetengah Saudara Baru yang malu dan tidak dapat ditegur, selalunya membuat pengajaran secara berkumpulan tetapi mengubah inisiatif lain untuk mengajar dan mepedengarkan bacaan Saudara Baru secara individu. Ada juga sebahagian Saudara Baru yang hendak cepat menghabiskan Iqra 1 kerana melihat kawannya sudah berpindah ke Iqra 2.

### ***Saudara Baru***

Pengkaji menemu bual 6 orang Saudara Baru pada bulan November 2018 yang dipilih semasa menjalani program Kelas Bimbingan Muallaf. Sebanyak 8 soalan telah disediakan oleh pengkaji bagi sesi temu bual ini. Dapatan temu bual akan diterangkan mengikut soalan yang diutarakan. Temu bual ini dilaksanakan adalah bagi mendapatkan data dan informasi bagi penyelidikan ini. Antara soalan yang pengkaji utarakan adalah:

1. Bangsa.
2. Apakah agama sebelum memeluk Islam?
3. Pada tahun berpakah memeluk Islam?
4. Antara 5 program Tarbiyah Muallaf yang manakah pernah diikuti?
  1. Bimbingan Pengenalan Islam 10 Hari (BPI-10)
  2. Skim Bimbingan Asas 14 Hari (SBA)
  3. Skim Bimbingan Lanjutan I (SBL-I)

4. Skim Bimbingan Lanjutan II (SBL-II)
5. Kelas Bimbingan Muallaf (KBM)
5. Apakah pandangan biskita mengenai program tersebut?
6. Apakah perasaan biskita semasa mengikuti program tersebut?
7. Adakah biskita mengikuti program selain program tersebut?
8. Apakah masalah yang selalu biskita hadapi semasa menjalani program tersebut?

**Jadual 2: Informan Saudara Baru.**

Soalan	Informan 1	Informan 2	Informan 3	Informan 4	Informan 5	Informan 6
1	Iban	Dusun	Iban	Iban	Cina Indonesia	Lun Bawang
2	Kristian	Tiada agama	Tiada agama	Tidak mengetahui kerana masuk Islam sejak kecil.	Kristian	Krisitan
3	1990	1985	1979	1987	17 Oktober 2018	14 Julai 2018
4	Semua kecuali SBL-II	BPI-10 SBL-I dan KBM tetapi tidak dapat memastikan apakah pernah mengikuti SBA	Semua telah diikuti.	Semua kecuali SBL-I dan SBL-II kerana ramainya Saudara Baru yang mendaftar bagi kemasukan skim ini, dan ianya terhadap bagi setiap daerah.	kerana baru memeluk Islam, maka hanya pernah mengikuti BPI- 10 dan KBM.	Baru mengikuti BPI-10 dan KBM.
5	Banyak membantu bagi Saudara Baru yang mula belajar, mengenal dan mendalami al-Quran	Bersyukur kerana dapat belajar mengenal Islam.	Awalnya tidak mengenali apa-apa, tapi setelah mengikuti program ini Alhamdulillah sudah mula mengenal Islam. Mula mengikuti program ini pada tahun 2010, kerana pada awalnya program ini belum lagi	Banyak yang dipelajari. Dari tidak mengetahui sesuatu perkara menjadi mengetahui perkara tersebut dengan adanya program ini.	Merasa nyaman kerana belajar dan merasakan kelainan di dalam kehidupan sekarang. Banyak membantu dalam mengetahui asas-asas fardhu	Dapat menambah pengetahuan tentang Islam, dan boleh mengaji.

---

wujud.

„ain.

---

6	Alhamdulillah merasa bersyukur diberi kesempatan dan diberi tunjuk ajar.	Alhamdulillah merasa bersyukur.	Alhamdulillah, setelah mengikut semua program ini maka dapat mengetahui Islam secara lebih mendalam. Dan merasa seronok dalam menjalani program tersebut.	Merasa seronok kerana masa lapang sentiasa terisi. Dan merasa mudah untuk belajar kerana disediakan semua keperluan secara percuma. Dan yang penting harus rajin untuk mengikut program tersebut.	Merasa gembira, bersemangat dan bersyukur serta merasa tenang semasa mengikuti program BPI-10.	Gembira dapat mengikut dan dapat memahami apa yang diajarkan.
7	Mengikut program diluar seperti program Muslimah, Mengikuti jemputan ke masjid-masjid.	Tidak selalu, kerana kekangan masa.	Banyak mengikut program lain, seperti kursus Celik Jawi. kerana dulunya kursus ini tidak diadakan dan mengetahui serba sedikit huruf jawi dari sekolah.	Sentiasa mengikut program yang diadakan, seperti Celik Jawi, Skim Nadi al-Quran tetapi terhadap kerana ramainya Saudara Baru yang	Belum ada mengikut program lain kerana baru sahaja memeluk Islam.	Mengikut program lain seperti Celik Jawi dan program di masjid.

---

				mengikuti program tersebut.		
8	Tiada menghadapi sebarang masalah.	Tiada menghadapi sebarang masalah	Masa terhadap dan meminta agar kelas Celik Jawi dipanjangkan waktunya hingga 3 ke 4 jam shari.	Kekurang tenaga pengajara semasa menjalani Kelas Bimbingan Muallaf, kerana ramai Saudara Baru yang mengikut kelas ini dan mereka hanya 2 orang tenaga pengajara bagi bahagian al-Quran maka membaca al-Quran terhadap semuka seorang	Tiada menghadapi sebarang masalah tentang program tersebut tetapi meminta agar sokongan dari pihak yang tertentu untuk tinggal di rumah yang ditempatkan khusus untuk Saudara Baru.	Belum dapat menguasai sepenuhnya al-Quran.

Sumber: Rekaman suara menggunakan telephon bimbit.

### Kesimpulan

Hasil dari kajian ini pengkaji mendapati adanya usaha Bahagian Pembangunan Muallaf Pusat Da'wah Islamiah bagi membantu Saudara Baru mendapatkan bimbingan dan ajaran Islam secara berterusan agar aqidah mereka tidak tersasar. Hasil dari kajian ini menunjukkan terdapat beberapa program yang dijalankan oleh Tarbiyah Muallaf Bahagian Pembangunan Muallaf untuk Saudara Baru. Tetapi proram yang dijalankan tidak hanya dibukakan kepada Saudara Baru sahaja malah dibukakan juga kepada saudara lama. Dapat dilihat dari datapan kajian adanya penglibatan Saudara Baru terhadap program yang dijalankan, ini menunjukkan minat Saudara Baru terhadap program yang dijalankan oleh Bahagian Pembangunan Mullaf tersebut. Bukan sahaja program yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Mullaf, malahan Saudara Baru juga ikut serta dalam program yang diadakan diluar dari Pusat Da'wah Islamiah. Begitu juga dengan penerimaan Saudara Baru terhadap program yang dijalankan, ada yang tidak merasa puas dengan masa yang diberikan, malah mereka meminta untuk dipanjangkan lagi waktu pembelajaran dan ditambah lagi tenaga pengajar. Ini menunjukkan bahawa mereka sangat meminati program yang dijalankan oleh Tarbiyah Muallaf Bahagian Pembangunan Muallaf. Kesemua objektif pengkaji telah terjawab dalam dapatan kajian ini.



## **Bibliografi**

Al-Quran.

- Ahmad Fadzullah, Jamal Rizal Razali, Hasnah Hussiin. (2007). *Modal Insan: Konsep, Aplikasi & Isu-isu Kontemporari dalam Cabaran Pemeraksanaan Tamadun Islam*. Malaysia: Universiti Malaysia Pahang.
- Aziz, R. A. (2001). *Pengantar Sosiologi Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharom, H. N. (2007). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brunei, D. B. (2011). *Kamus Bahasa Melayu Nusantara Edisi Kedua*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hawkins, J. M. (2002). *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Selangor Darul Ehsan: Fajar Bakti.
- Masri, S. (1990). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Othman, A. (2005). *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Saliba, J. (1982). *Al-Mu'jam Al-Falsafi*. Beirut: Dar Al-Kitab Al-Lubnan.
- Steven J. Taylor, Robert Bogdan. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search of Meanings*. Wiley.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam*. (2010).
- Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam. Laporan Tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama 2006-2008*. (2011). Brunei Darussalam: Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Rancangan Strategik Pusat Da'wah Islamiah 2010-2014*. (2011). Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam Rancangan Strategik Pusat Da'wah Islamiah 2010-2014.
- Ristaan dan Pencapaian 25 Tahun Pusat Da'wah Islamiah 1985-2010*. (2011). Ristaan dan Pencapaian 25 Tahun Pusat Da'wah Islamiah 1985-2010.